

19 NOV 1999

Calon-Melaka

SEMBILAN MUKA BARU BN MELAKA, ABU ZAHAR BERPINDAH KE PARLIMEN

MELAKA, 19 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Melaka membariskan sembilan muka baru bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen, manakala Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin akan bertanding kerusi Parlimen pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov ini.

Pengerusi BN Melaka, Abu Zahar yang mengumumkan senarai calon itu hari ini, berkata beliau akan bertanding di Parlimen Jasin menggantikan bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang juga ahli Parlimen Batu Berendam akan bertanding di DUN Paya Rumpit, katanya pada persidangan media di Seri Bendahara di sini.

Tiga anggota Exco kerajaan negeri Umno digugurkan daripada senarai calon BN. Mereka ialah Datuk Mohd Yasin Sarif (Paya Rumpit), Datuk Noordin Yaani (Sungai Udang) dan Datuk Mohd Sharif Drus (Pulau Sebang).

Turut digugurkan ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Nasir Manap yang menyandang kerusi DUN Alai.

Lapan muka baru calon BN yang bertanding di DUN ialah Kapt (B) Abdul Karim Sulaiman (Sungai Udang), Abdul Aziz Isa (Pulau Sebang), Datuk Abdul Kadir Daud (Durian Tunggal), Yaacob Md Amin (Tangga Batu), Datuk Amid Nordin (Alai) dan Nazari Adzim (Merlimau) yang semuanya dari Umno.

Chew Chong Lim (Durian Daun) dan Ng Peng Ann (Bandar Hilir) pula dari MCA.

Calon BN yang bertanding di Parlimen selain Abu Zahar ialah bekas Ketua Wanita Umno Melaka, Datuk Hazizah Mohd Sultan yang menggantikan Mohd Ali untuk bertanding di Parlimen Batu Berendam.

Hazizah, anggota DUN Tangga Batu pada pilihan raya umum lepas, merupakan calon wanita Umno pertama negeri ini yang bertanding di kerusi Parlimen.

MCA juga turut memperkenalkan calon wanita pertama mereka, Lim Swee Kiang, muka baru yang akan bertanding di Parlimen Kota Melaka.

Dua anggota Parlimen yang akan mempertahankan kerusi masing-masing ialah Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn di Parlimen Selandar dan Datuk Wira Abu Seman Yusof di Parlimen Alor Gajah.

Abu Zahar berkata kuota pembahagian kerusi pilihan raya kepada parti-parti komponen BN Melaka kekal seperti pilihan raya lepas dengan Umno bertanding di 16 kerusi DUN dan tiga Parlimen, MCA tujuh DUN dan dua Parlimen dan masing-masing satu DUN bagi Gerakan dan MIC.

Pada pilihan raya umum lepas, BN memenangi 22 daripada 25 kerusi DUN dan empat daripada lima kerusi Parlimen di negeri ini.

Abu Zahar yakin gandingan baru dan lama BN Melaka mampu mengulangi kemenangan cemerlang BN pada pilihan raya umum kali ini.

"Kita akan teruskan kemenangan BN di samping cuba merampas tiga kerusi DUN dan Parlimen Kota Melaka yang dikuasai parti pembangkang DAP," kata Abu Zahar yang kelihatan girang semasa persidangan media.

Beliau diberikan tepukan paling bergemuruh oleh kira-kira 100 bakal-bakal calon dan penyokong BN yang menghadiri majlis itu, apabila menamakan dirinya sebagai calon bagi Parlimen Jasin.

Abu Zahar ketika ditanya mengenai "perpindahan" beliau bertanding di kerusi parlimen berkata beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana membenarkan beliau meneruskan perjuangan di peringkat nasional pula.

Abu Zahar, yang juga bekas Speaker DUN dan anggota Exco kerajaan

negeri, dilantik sebagai Ketua Menteri pada Mei 1997 menggantikan Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

Beliau turut menasihati calon yang bertanding supaya menumpukan tugas dan perhatian mendengar masalah pengundi di samping meneruskan program pembangunan yang dirancang.

-- BERNAMA

NO MYD NAK